

23 DEC 1996

#### PROJEK PEMBINAAN PELABUHAN KUALA PERLIS DIMULAKAN

KANGAR, 23 Dis (Bernama) -- Projek pembina pelabuhan bertaraf antarabangsa di Kuala Sungai Baru, Kuala Perlis dekat sini yang bernilai RM750 juta mula dilaksanakan dengan termeterainya perjanjian kontrak perlaksanaannya hari ini.

Perjanjian kontrak dan memorandum persefahaman berkenaan melibatkan sebuah syarikat tempatan Pashacorp Sdn Bhd (Pashacorp) iaitu syarikat yang diberi kontrak projek berkenaan dan tiga syarikat antarabangsa iaitu Hamburg Port Consultan (HPC), sebuah syarikat perunding pelabuhan dari Jerman; Posford (M) Sdn Bhd, syarikat perunding kejuruteraan rekabentuk dari Britain dan Kisan Corporation, sebuah syarikat kontraktor dari Korea yang akan melaksanakan kerja-kerja mengorek dan penambakan laut.

Majlis menanda tangani perjanjian tersebut berlangsung di Pejabat Menteri Besar Perlis dan disaksikan oleh anggota Exco Negeri, Yazid Mat yang mewakili Menteri Besar.

Projek berkenaan yang dilaksanakan secara penswastan di bawah projek tebusguna tanah di pesisiran pantai negeri Perlis itu akan membabitkan kawasan seluas 2,600 hektar daripada sempadan Thailand hingga ke Sanglang dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Pengerusi Eksekutif Pashacorp, Haji Zamani Abdul Aziz Yeop berkata keseluruhan projek berkenaan akan menelan belanja sebanyak RM1,500 juta termasuk RM750 juta untuk pembinaan pelabuhan.

Menurutnya, projek berkenaan yang akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama melibatkan kerja-kerja pembinaan pelabuhan kargo dan kontena yang dijangka siap pada pertengahan tahun 1998.

"Manakala kerja-kerja pembinaan pelbagai kemudahan lain termasuk kawasan komersil, industri kecil dan sederhana, hotel, perumahan, jeti yang moden serta marina dalam fasa kedua akan mengambil masa di antara sepuluh hingga 12 tahun untuk disiapkan," jelas beliau.

Katanya, pelabuhan yang berkenaan yang mempunyai kapasiti 1.3 juta tan TEU itu secara tidak langsung akan dapat menarik lebih banyak pelabur ke negeri ini serta negeri dan wilayah dalam lingkungan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di samping untuk memenuhi limpahan keperluan terhadap pelabuhan Pulau Pinang.

Sebelum ini 13 buah syarikat telah menanda tangani memorandum persefahaman untuk projek tebusguna tanah pesisiran pantai Perlis secara serentak disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada 12 April lepas.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu hanya tujuh syarikat yang diberi kontrak tersebut oleh kerajaan negeri termasuk Pashacorp yang dibenarkan menjalankan kerja-kerja menebus guna melibatkan kawasan seluas 1,400 hektar di Kuala Sungai Baru, termasuk pembinaan pelabuhan yang meliputi kawasan seluas 680 hektar. -- BERNAMA

IQ OS